

Umno Kelantan Minta Jangan Buat Spekulasi Calon Pengkalan Kubor Ketika Ini Bernama
August 24, 2014

TUMPAT, 24 Ogos (Bernama) -- Umno Kelantan hari ini meminta semua pihak tidak membuat sebarang spekulasi mengenai calon yang akan bertanding mewakili Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil (PRK) Pengkalan Kubor itu nanti.

Pengerusinya Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata ketika ini Umno Kelantan belum lagi memikirkan soal calon sebaliknya hanya memulakan gerakan mempersiapkan jentera parti ke arah menghadapi PRK itu nanti.

"Saya akan memperjelaskan keadaan di DUN (Dewan Undangan Negeri) itu terlebih dahulu kepada Presiden dan Timbalan Presiden parti dan seterusnya kepada Majlis Tertinggi dan barulah soal calon akan dibincangkan selepas itu.

Umno Kelantan ketika ini belum lagi mengangkat nama senarai calon dan apa yang kita lakukan adalah berkunjung ke DUN ini sebagai jalinan silaturrahim dengan pengundi," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan di beberapa tempat di DUN itu di sini, hari ini.

Turut hadir Pemangku Ketua Umno Bahagian Tumpat Datuk Mohd Rosdi Abdul Aziz dan Ketua Wanita Umno Bahagian itu Nik Noriza Nik Salleh.

Mustapa yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu berkata apa yang penting calon yang akan dipilih mestilah berwibawa dan mampu mengekalkan DUN itu di tangan BN.

"Penduduk di sini tidak mahukan individu yang berlagak sebagai calon mereka. Penduduk sini hidup sederhana dan mahukan pemimpin yang dekat di hati seperti mana gaya Allahyarham Datuk (Noor Zahidi Omar)," katanya.

Beliau berkata BN tidak menganggap PRK itu nanti sebagai jalan mudah untuk menang kerana dalam Parlimen Tumpat hanya DUN itu sahaja yang dimenangi BN pada pilihan raya umum lalu.

"Baik Parlimen, DUN Pasir Pekan, Dun Kelaboran dan DUN Wakaf Bharu semuanya dimenangi PAS dan BN hanya menang di sini dan sebab itu ia bukan merupakan jalan yang mudah," katanya.

DUN Pasir Pekan adalah diwakili Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yakob dan DUN Wakaf Bharu diwakili Exco PAS iaitu Datuk Che Abdullah Mat Nawawi manakala Parlimennya diwakili Yang Dipertua PAS Tumpat Datuk Kamaruddin Jaafar.

Katanya bagaimanapun beliau yakin pengundi akan terus mengundi BN di kawasan DUN

itu yang lebih 90 peratus adalah pengundi Melayu.

"Selebihnya adalah masyarakat Siam dan Cina dan peratus kemenangan yang diperolehi Allahyarham membuktikan mereka senang dengan Allahyarham dan BN," katanya.

Noor Zahidi, 57, meninggal dunia akibat kanser hati di sebuah hospital di Guangzhou, China pada 5.45 pagi, Rabu lepas.

Allahyarham merupakan Anggota Dewan Undangan Negeri Pengkalan Kubor selama tiga penggal dan Ketua Umno Bahagian Tumpat selama empat penggal.

Pada pilihan raya umum lepas, Allahyarham yang mewakili Barisan Nasional mengalahkan calon Parti Keadilan Rakyat Saharun Ibrahim dan calon Bebas Izat Bukhary Ismail Bukhary dengan majoriti 1,736 undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1062953>